

# PENGHAYATAN WARGA UnIPSAS TERHADAP NILAI MURNI *TAZAKUR*: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

Muhamad Fairuz Ali<sup>1</sup>

## ABSTRAK

Sesebuah institusi akan berjalan dengan cekap dan berkualiti apabila ada sistem pengurusan yang cekap, berkesan serta mengikut nilai keislaman. UnIPSAS turut memastikan sistem pengurusan organisasi ini menurut perspektif Islam dengan menerapkan sistem pengurusan kualiti. Langkah ini sebagai salah satu usaha untuk memenuhi tuntutan syariat di organisasi ini. Pelbagai aspek perlu dipatuhi dan terdapat tiga nilai-nilai murni yang digariskan untuk dihayati oleh anggota kerja UnIPSAS antaranya adalah *Ta'allum*, *Ta'awun* dan *Tazakur*. Justeru, kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penghayatan nilai murni *Tazakur* dalam kalangan warga UnIPSAS serta perbezaan pandangan responden pada tahun 2020 dan 2021. Kajian berbentuk kuantitatif ini dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada semua anggota kerja UnIPSAS dua tahun berturut-turut. Hasil kajian menunjukkan pengamalan nilai murni *Tazakur* dalam kalangan anggota kerja UnIPSAS mendapat sambutan yang menggalakkan dan membantu semua anggota kerja dalam mendalami ilmu serta saling tegur antara satu sama lain.

**Kata kunci:** Nilai-nilai murni, *Tazakur*, sistem pengurusan kualiti, UnIPSAS

## PENDAHULUAN

Beberapa dekad kebelakangan ini, institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah menunjukkan peningkatan baik dari segi akademik mahupun kualiti sahsiah dalam kalangan graduasi. Hal ini bagi memenuhi pembangunan modal insan yang bukan sahaja diterapkan dalam diri graduan tetapi juga mempunyai kesan yang sama dalam kalangan warga kerja di institusi tersebut. (Mat Ali et al., 2006).

Ke arah menjadikan sesebuah institusi itu mampu melahirkan modal insan yang profesional, Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) setelah diperkenalkan. Sistem ini merangkumi pengurusan risiko, pengurusan sumber, produktiviti serta penambahbaikan berterusan bagi menguatkan sesebuah institusi tersebut (Al-Banna Mohamed et al., 2015).

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) adalah sebuah institusi yang mempunyai Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dengan melaksanakan persijilan ISO 9001:2015. Persijilan ini memberikan ruang kepada semua anggota kerja UnIPSAS untuk menghayati nilai-nilai murni yang diperkenalkan iaitu *Ta'allum*, *Tazakur* dan *Ta'awun* (3T).

Amalan dan penghayatan nilai-nilai Islam ini mampu menjadikan sistem pengurusan kualiti berjalan dengan lancar sekaligus memberi dorongan kepada anggota kerja untuk memberi khidmat dengan bersungguh-sungguh. (Siti Arni et al., 2019)

---

<sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). Email: [mfairuz@unipsas.edu.my](mailto:mfairuz@unipsas.edu.my). Diterima; 26 Oktober 2022. Disemak; 10 November 2021. Diterbitkan; 09 Disember 2022.

Salah satu daripada nilai-nilai murni yang diamalkan di UnIPSAS adalah *Tazakur*. Menurut al-Zarnuji, seorang ulama pada abad ke-12, *Tazakur* adalah salah satu daripada cabang pendidikan akhlak yang merangkumi kaedah menasihati, saling mengingatkan dan mesti bersifat dengan niat untuk belajar dan mengambil faedah daripadanya. Dengan adanya *Tazakur* dan dijalin gabungan dengan ilmu pengetahuan, maka akan lahir generasi yang berketerampilan, intelektual serta dihiasi dengan kehidupan yang harmoni dan tenteram. (Aji & Utomo, 2019)

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pelaksanaan ISO 9000 memerlukan komitmen yang tinggi dari seluruh anggota kerja sesebuah organisasi. Dengan itu, adalah wajar kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap penghayatan nilai-nilai murni yang menyumbang ke arah pembangunan komitmen serta semangat kerjasama pihak pengurusan, pentadbir, pensyarah dan warga kerja organisasi (Siti Arni et al., 2019).

Apabila penghayatan nilai-nilai murni ini berlaku, maka interaksi sesama pekerja atau dalam Islam disebut hubungan manusia sesama manusia akan menjadi lestari dan lancar. Komunikasi yang berkesan ini akan menjadikan pembangunan fizikal, keperluan manusia serta kelestarian sosial akan berjalan dengan seiring. Bahkan apabila dilihat dengan lebih mendalam, nilai-nilai ini berjaya menjadikan sesebuah organisasi itu lebih harmoni dan mengikuti segala perspektif Islam. (Hussin et al., 2015)

Tambahan pula, amalan nilai-nilai murni pada masa kini amat membimbangkan dengan pengabaian terhadap sikap positif, hormat-menghormati, santun dalam berbahasa dan sebagainya (Muhamad Fairuz et al., 2019)

*Tazakur* adalah salah satu daripada metode tasawuf yang apabila dikembangkan dalam konteks dunia pendidikan, ia mampu melahirkan anggota kerja yang berfikiran positif, mempunyai hati yang jernih dan sahsiah yang terpuji. Hal ini sekaligus mewujudkan satu sifat mujahadah yang bermaksud bersungguh-sungguh dalam melakukan segala tugas yang diamanahkan. (Sukring, 2016)

Untuk memastikan sesebuah institusi berjalan dengan sempurna, pihak pentadbir perlu memberi perhatian kepada budaya *Tazakur*. *Tazakur* mampu menyelesaikan masalah, melancarkan operasi dan interaksi akan menjadi dengan lebih berkesan dan dinamik. Namun, sekiranya *tazakur* ini tidak diamalkan, maka organisasi akan kehilangan pekerja yang bermotivasi dan interaksi akan menjadi tidak berkesan, sekaligus menyebabkan operasi akan terjejas dan banyak masalah yang akan timbul. (M. F. Ali, 2020)

Justeru, kajian ini dilakukan dengan tujuan mengenalpasti tahap penghayatan nilai murni *Tazakur* dalam kalangan anggota kerja UnIPSAS. Nilai murni ini penting bagi membentuk sikap profesionalisme dalam diri setiap warga UnIPSAS seterusnya memberi imej positif kepada UnIPSAS sebagai institusi pengajian Islam yang mementingkan pembangunan berterusan dari sudut fizikal dan spiritual.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tahap penghayatan nilai murni *Tazakur* dalam kalangan warga UnIPSAS tahun 2020 dan 2021.
- ii. Membandingkan perbezaan berkaitan nilai murni *Tazakur* antara tahun 2020 dan 2021.

## **SIGNIFIKAN KAJIAN**

Kajian ini adalah sebagai bukti terhadap keberkesanan pelaksanaan nilai-nilai murni *Tazakur* di UnIPSAS. Hal ini sekaligus membuktikan pencapaian organisasi ini dalam menerapkan budaya saling berpesan dalam kalangan warga kerjanya. Organisasi yang mampu mengingati antara satu sama lain akan menjadi lebih bermotivasi, berfikiran terbuka dan dipimpin dalam melaksanakan tugas.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian berkaitan nilai-nilai Murni telah dijalankan oleh Muhamad Fairuz bin Ali (UnIPSAS) dengan soal selidik yang diedarkan pada tahun 2018 hingga 2020. Hasil kajian ini menunjukkan ada peningkatan terhadap penghayatan ketiga-tiga nilai murni yang diamalkan di universiti ini iaitu *Ta'allum*, *Tazakur* dan *Ta'awun*. Ketiga-tiga nilai murni ini mampu membantu warga kerja dalam mendalami ilmu serta meningkatkan mutu peribadi agar mampu menyumbang kepada organisasi dengan lebih cemerlang. (M. F. Ali et al., 2022)

*Tazakur* telah banyak dikaji oleh beberapa pengkaji sebelum ini. Antaranya adalah Sandi Aji Wahyu Utomo yang mengkaji *Tazakur* menurut pendapat al-Zarnuji dalam kitabnya *Ta'lim al-Muta'alim*. Dalam kajian ini, beliau menemui maksud *Tazakur* yang membawa kepada saling mengingati antara satu sama lain dan perlu disusuli dengan sifat untuk belajar dan mengambil manfaat daripada seseorang. *Tazakur* juga adalah salah satu komponen penting dalam membentuk pendidikan akhlak. *Tazakur* mampu menjadikan seseorang itu sebagai guru yang bukan sahaja memindahkan ilmu kepada penerimanya, tetapi juga menjadi satu individu yang intelektual dan berwawasan serta contoh kepada masyarakat (Aji & Utomo, 2019)

Sukring (2016) pula mengkaji ciri-ciri yang perlu ada dalam seseorang pendidik yang menjadi ikon penting dalam dunia pendidikan Islam. Antara ciri-ciri yang digariskan adalah *Tazakur* dan mendapati ciri ini berhubungkait dengan fikiran yang positif, hati yang jernih dan rohani yang suci, dalam mewujudkan satu suasana yang harmoni. Hasilnya termasuklah wujudnya satu sistem komunikasi yang berkesan, sama ada dalam pembelajaran serta perpindahan ilmu, mampu melahirkan manusia yang terhindar daripada stres, kehilangan jati diri serta tidak mampu mengawal diri. Dalam konteks pendidikan, sikap *Tazakur* adalah berperanan

memberikan latihan kepada jiwa sehingga lahirah generasi Islam yang cerdas dari aspek akal, mental dan kerohanian.

*Tazakur* juga perlu disampaikan secara berhemah dan sopan dalam menyampaikan mesej kerana bahasa yang sopan dan berhemah itu mampu mempengaruhi seseorang ke arah kebaikan. Seterusnya ia mudah diterima dan mengajak mad'u ke arah yang ingin ditujui. (Muhamad Fairuz bin Ali et al., 2017)

Dengan beberapa kajian yang telah dilakukan terhadap aspek nilai murni *Tazakur*, jelas menunjukkan kajian sebegini masih kurang khususnya di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam sistem pengurusan dan pentadbiran. Kajian ini adalah relevan bagi melihat keberkesanan penerapan nilai-nilai murni dalam aspek pengurusan sesebuah IPTS.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap penghayatan nilai murni *Tazakur* dalam kalangan warga UnIPSAS tahun 2020 dan 2021. Selain itu, kajian ini juga akan membandingkan perbezaan berkaitan nilai murni *Tazakur* antara tahun 2020 dan 2021.

## **REKABENTUK KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrument kajian. Borang soal selidik ini diedarkan pada tahun 2020 dan 2021 dan mengandungi dua item iaitu demografi dan tahap penghayatan nilai-nilai murni. Data kajian diperoleh dan dianalisis menggunakan Statistical Package For The Social Science (SPSS). Dalam kajian ini, dapatan adalah melalui borang secara atas talian yang diedarkan melalui aplikasi *whatsapp* kepada kepada semua staf dan pensyarah UnIPSAS.

Borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah tentang demografi seperti latar belakang responden iaitu jabatan, jantina dan tempoh berkhidmat. Bahagian B pula adalah tentang persepsi responden terhadap penghayatan warga Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) terhadap nilai-nilai murni.

Bahagian C pula berkaitan pandangan dan komen responden terhadap penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan warga UnIPSAS serta cadangan dan penambahbaikan terhadap kawalan syariah.

Kaedah pengukuran yang digunakan pula adalah menggunakan skala 'Likert' yang mempunyai lima pilihan jawapan iaitu Sangat Tidak Memuaskan, Tidak Memuaskan, Sederhana, Memuaskan dan Sangat Memuaskan.

Kajian ini adalah wajib dijawab oleh setiap warga kerja UnIPSAS. Bilangan responden berbeza mengikut tahun. Jumlah yang menjawab soal selidik ini telah melebihi syarat persampelan *Krejcie Dan Morgan (1970)* yang mana jumlah responden yang diambil adalah mencukupi daripada keseluruhan anggota kerja UnIPSAS sebagai saiz sampel<sup>2</sup>.

---

<sup>2</sup> Krejcie, RV & Morgan, DW (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurements. 607-610.

## DEMOGRAFI RESPONDEN

Profil demografi kajian dipaparkan seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Profil Demografi Responden Mengikut Jabatan/Unit**

Demografi	2020	2021
Pengurusan Kanan	5	10
Fakulti Pengajian Islam	46	50
Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	10	21
Fakulti Pengajian Pengurusan	15	
Fakulti Pengajian Bahasa & Asasi	10	11
Perpustakaan	5	4
Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi	*	2
Jabatan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni	5	6
Jabatan Sumber Manusia	4	3
Jabatan Kemasukan dan Rekod	*	2
Jabatan Bendahari	6	4
Jabatan Pentadbiran Am	21	7
Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan	*	3
Setiausaha Pejabat	*	1
Jabatan Perhubungan Korporat	2	3
Jabatan Pengurusan Teknologi Maklumat	5	5
Jabatan Pengurusan Akademik	3	5
Pusat Pengurusan Siswazah	*	1
Unit Pengurusan Masjid	0	1
Unit Tanaman Kelapa	0	-
Sambilan Harian	1	-
Pembantu Awam	19	17
<b>Jumlah</b>	<b>157</b>	<b>156</b>

Sumber: Soal Selidik 2020 dan 2021

\*Ditubuhkan pada 2021

\*\*Gabungan unit/fakulti

**Jadual 2: Profil Demografi Responden**

Demografi	2020	2021
<b>Jantina</b>		
Lelaki	76	64
Perempuan	95	92

<b>Tempoh Berkhidmat</b>		
Kurang 10 tahun	90	76
10 – 20 tahun	61	57
21 tahun ke atas	20	23

Dapatan kajian berdasarkan jadual 1 dan 2 menunjukkan jumlah responden mengikut jabatan serta jantina. Responden perempuan mendominasi maklumbalas selama dua tahun berturut-turut. Berdasarkan tempoh berkhidmat pula, responden paling tinggi datangnya dari anggota kerja UnIPSAS yang telah berkhidmat antara 10 hingga 20 tahun manakala selebihnya telah berkhidmat melebihi 20 tahun.

## HASIL KAJIAN

Bahagian ini adalah tentang persepsi responden terhadap penghayatan warga Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) terhadap nilai-nilai murni *Tazakur*.

Lima item yang digunakan iaitu Sangat Tidak Memuaskan, Tidak Memuaskan, Sederhana, Memuaskan dan Sangat Memuaskan, menunjukkan nilai purata sama ada tinggi atau rendah berdasarkan nilai skor min seperti berikut:

**Jadual 3 Pengelasan Nilai Skor Min**

<b>Skor Min</b>	<b>TahapSkor</b>
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi


**Sumber: Mohd Najib (2003)<sup>3</sup>**

## PENGHAYATAN WARGA UnIPSAS TERHADAP NILAI MURNI 1: *TAZAKUR* (تذاكر).

Sebanyak 6 item pertanyaan yang telah dijawab oleh responden dalam bahagian ini. Purata skor bagi penghayatan warga UnIPSAS terhadap nilai murni pertama iaitu *Tazakur* adalah sederhana sebagaimana jadual berikut:

<sup>3</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.

**Kefahaman AKK terhadap maksud dan konsep *Tazakur*.**



**Graf 1 : Purata Skor Penghayatan Warga UNIPSAS Terhadap maksud dan konsep *Tazakur***

Graf 1 menunjukkan purata skor berkaitan kefahaman maksud dan konsep *Tazakur* dalam kalangan anggota kerja UnIPSAS. Penurunan berlaku menunjukkan tahap kefahaman terhadap konsep ini semakin menurun. Walau bagaimanapun, skor pada tahun 2021 (3.94) masih lagi berada pada tahap yang memuaskan.


**Pendapat warga UnIPSAS berkaitan sikap saling mengingatkan rakan sekerja yang terlupa menyiapkan tugas yang diberikan.**



**Graf 2 : Purata Skor Penghayatan warga UnIPSAS berkaitan sikap saling mengingatkan rakan sekerja yang terlupa menyiapkan tugas yang diberikan.**

Graf 2 menunjukkan purata skor berkaitan sikap saling mengingatkan rakan sekerja yang terlupa menyiapkan tugas yang diberikan.. Berlaku penurunan terhadap tahap penghayatan warga UnIPSAS berkaitan sikap *Tazakur* ini. Dari skor 4.00 pada tahun 2020, kini telah berkurang kepada skor 3.78 pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, skor bagi kedua-dua tahun ini masih berada pada paras tinggi.

**Pendapat warga UnIPSAS berkaitan sikap menegur kesilapan dan memberi nasihat kepada rakan sekerja.**




**Graf 3 : Purata Skor Penghayatan warga UNIPSAS berkaitan sikap menegur kesilapan dan memberi nasihat kepada rakan sekerja.**

Graf 3 menunjukkan purata skor berkaitan sikap menegur kesilapan dan memberi nasihat kepada rakan sekerja.. Berlaku penurunan terhadap tahap penghayatan warga UnIPSAS berkaitan sikap ini bermula dari skor 3.97 pada tahun 2020, berkurangan kepada tahap sederhana pada tahun 2021 (3.60).




**Pendapat warga UnIPSAS berkaitan sikap berlapang dada menerima teguran daripada rakan sekerja.**



**Graf 4 : Purata Skor Penghayatan warga UnIPSAS berkaitan sikap berlapang dada menerima teguran daripada rakan sekerja.**

Graf 4 menunjukkan purata skor berkaitan sikap berlapang dada menerima teguran daripada rakan sekerja. Skor terhadap tahap penghayatan warga UnIPSAS semakin meningkat dari tahun 2020 (4.13), sehingga tahun 2021 iaitu sebanyak 4.24.

**Pendapat responden berkaitan penyertaan warga UnIPSAS menyampaikan teguran secara berhemah dan bebas memberi pendapat dari peringkat atasan hingga bawahan.**




**Graf 5 : Purata Skor Penghayatan berkaikan warga UnIPSAS menyampaikan teguran secara berhemah dan bebas memberi pendapat dari peringkat atasan hingga bawahan.**

Graf 5 menunjukkan purata skor berkaitan warga UnIPSAS menyampaikan teguran secara berhemah dan bebas memberi pendapat dari peringkat atasan hingga bawahan. Skor terhadap

meningkat saban tahun bermula pada tahun 2020 dengan skor yang berada pada tahap memuaskan, sehingga ke tahun 2021 yang menunjukkan skor tinggi bagi kedua-dua tahun ini.

**Pendapat responden berkaitan minat warga UnIPSAS mengamalkan budaya ingat-mengingati dengan harmoni di UnIPSAS.**



**Graf 6 : Purata Skor Penghayatan berkaikan minat warga UnIPSAS mengamalkan budaya ingat-mengingati dengan harmoni di UnIPSAS.**

Graf 6 menunjukkan purata skor berkaitan minat warga UnIPSAS mengamalkan budaya ingat-mengingati dengan harmoni di UnIPSAS. Skor ini menunjukkan warga UnIPSAS mengamalkan budaya ingat-mengingati dengan harmoni. Namun, purata keseluruhan menurun dari 3.83 pada tahun 2020 kepada tahap sederhana pada tahun berikutnya.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN**

Kertas kerja ini merumuskan bahawa penerapan *Tazakur* dalam kalangan anggota kerja UnIPSAS menunjukkan tahap yang memuaskan dan semakin meningkat saban tahun. Hal ini terbukti dengan penganjuran program-program keagamaan seperti Kuliah Dhuha, Bayan Li UnIPSAS dan perkongsian secara maya yang secara tidak langsung memberi peringatan sesama warga kerja UnIPSAS. Namun, antara penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak UnIPSAS adalah seperti pemahaman skop dan maksud *Tazakur* data di atas menunjukkan warga kerja UnIPSAS mengamalkan *Tazakur* tanpa mengetahui makna dan konsep *Tazakur* itu sendiri.

Berdasarkan dapatan serta komen positif yang diterima, kajian ini dilihat selari dengan sorotan literatur yang mengatakan penerapan nilai-nilai murni dalam sesebuah organisasi adalah amat relevan dan menjadi keutamaan dalam usaha membentuk warga kerja yang mempunyai sikap positif serta menghayati dan mengamalkan amalan mulia dalam tugas seharian.

Kesimpulannya, diharapkan dapatan analisis ini mampu memberi nilai tambah dan idea baharu kepada UnIPSAS dalam usaha memastikan aspek *Tazakur* terus diamal dan dipertingkatkan penghayatannya dari masa ke masa.

Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan, beberapa tajuk dan skop berikut boleh diambil perhatian:

1. Kajian nilai-nilai murni lain di UnIPSAS iaitu Ta'allum dan Ta'awun serta perbezaan antara tahun.
2. Kajian penghayatan nilai-nilai murni di UnIPSAS dalam kalangan pelajar.

## RUJUKAN

- Aji, S., & Utomo, W. (2019). *Sandi Aji Wahyu Utomo Jurnal Tawadhu* □□ Vol. 3 no. 2, 2019 *Teori Pendidikan Azzarnuji Dan Eksistensinya Di Era Digital*. 3(2), 949–965.
- Al-Banna Mohamed, H., Mumin Ab Ghani, A., & Arni Basir, S. (2015). Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran Dan Integrasi Ilmu Sainifik\* The Values of Islamic Quality Management System Based on the Quran and Integration of Scientific Knowledge. *Shariah Journal*, 23(1), 25–52.
- Ali, F., Radiah, C., & Ph, D. (2019). *Jurnal al-Sirat Bil*. 18 Vol. 1 (2019). 1, 78–87.
- Ali, M. F. (2020). *Penghayatan Warga Kuipsas Terhadap Nilai Murni Ta ' Allum: Satu Kajian Perbezaan Dapatan Dari Tahun 2018 Hingga 2020 Muhammad Fairuz Ali 1 ABSTRAK*. April 2022, 5–14.
- Ali, M. F., Ishak, M. F., Salleh, H. M., & Nizam, M. (2022). *Analysis Of Differences In The Achievement In Adoption Of The Noble Values Among Kuipsas Employees From 2018 To 2020 Analisis Perbezaan Pencapaian Penghayatan Nilai- Nilai Murni Dalam Kalangan Warga Kerja Kuipsas Dari Tahun 2018 Hingga 2020. I*.
- Hussin, Z., Siraj, S., Ab Malik, Z. H., Jamil, M. R. M., Sapar, A. A., & Noh, N. M. (2015). Pembangunan akhlak dan moral ke arah masyarakat lestari. *Al-Hikmah*, 7(2), 72–87.
- Mat Ali, S. N., Omar, K., & Ismail, I. R. (2006). Menjana Budaya Ilmu di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma. *Kolej Univesiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Terengganu*, 1–5. <http://eprints.utm.my/id/eprint/246/>
- Muhamad Fairuz bin Ali, Mezah, C. R. binti, & Othman, M. S. (2017). Pendekatan Bahasa Sopan Dalam Al-Quran Satu Kajian Dari Perspektif Surah Yusuf. *Jurnal Al-Sirat*, 1–11.
- Siti Arni, B., Sharifah Hayaati, S. I., Ilhaamie, A. G. A., Hasan Albanna, M., & Syahrul Nizam, K. (2019). Nilai-Nilai Islam Dalam Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000: Kajian Kes Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 79–92.
- Sukring. (2016). Pendidik dalam Pengembangan Kecerdasan Peserta Didik (Analisis Perspektif Pendidikan Islam). *Tadris: Jurnal Keguruan Dan Ilmu Tarbiyah*, 01(1), 69–80.